

## **CRADLE OPEN DAY 2024 TINGKAT INOVASI DAN PERTUMBUHAN EKOSISTEM STARTUP DI SABAH**

**KOTA KINABALU, 19 Mac 2024** – Cradle Fund Sdn. Bhd. (Cradle), sebuah agensi fokal bagi ekosistem *startup* Malaysia di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), telah menganjurkan *Cradle Open Day* 2024 di Kota Kinabalu, Sabah. Acara yang diadakan julung kali ini bertujuan untuk meningkatkan perubahan *startup* berimpak tinggi di seluruh Malaysia.

*Cradle Open Day* adalah program dual bicara serta sesi rangkaian yang menjurus kepada sektor teknologi yang dianjurkan bersempena *Kinabalu Startup Bootcamp* dengan kolaborasi bersama Pusat Kreatif Ekonomi Dan Inovasi Sabah (SCENIC). *Kinabalu Startup Bootcamp* ini bertujuan untuk membuka lebih banyak peluang kepada *startup* dan usahawan di rantau ini.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Cradle, Norman Matthieu Vanhaecke, menekankan peranan penting *startup* tempatan dalam meningkatkan bidang keusahawanan di seluruh Malaysia.

"Matlamat utama kami adalah untuk meningkatkan bilangan *startup* yang berimpak tinggi di Malaysia, dalam masa yang sama, mewujudkan sebuah ekosistem bersifat global, berprestasi tinggi, inklusif, dan mampan untuk negara. Dengan kerjasama bersama SCENIC, kami akan terus membantu pembangunan ekosistem *startup* di Sabah serta memberi sokongan kepada usahawan di negeri ini yang mana sudah berjaya, mahupun yang baru ingin bermula," kata Norman.

Pada bulan November tahun lalu, Cradle turut menganjurkan program di Kota Kinabalu, Sabah, iaitu MYStartup NXT, sebuah program pembinaan kapasiti di bawah inisiatif MYStartup.

Sehingga Februari 2024, portal MYStartup telah merekodkan lebih daripada 3,600 *startup* di Malaysia serta membantu menghubungkan lebih daripada 1,000 pelabur. Portal ini juga telah menunjukkan peningkatan jumlah *startup* dari Sabah.

Tambahan lagi, ekosistem *startup* Malaysia juga telah menarik minat pasaran antarabangsa, yang mana 10% daripada jumlah lawatan portal ini yang melebihi 130,000 ini merupakan demografi global.

Sehingga tahun 2023 juga, 6,170 *startup* telah mendapat manfaat melalui program pembinaan kapasiti seperti program pemecut (*accelerator*), prapemecut (*pre-accelerator*) dan *hackathon* di bawah Cradle.

*Cradle Open Day* yang memberi fokus kepada topik Pendanaan dan *AgriTech* ini menampilkan sesi perbincangan yang menarik bertajuk, "Beyond the Pitch: Cracking the Code of Funding & Talent Acquisition" yang menjemput wakil panel daripada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Sabah (KSTI), Elevate Academy and Cradle. Ini diikuti dengan sesi perbualan santai bertajuk "Innovations in AgriTech: Transforming Sabah's Agricultural Landscape" yang disertai oleh wakil daripada SCENIC dan *startup* di Sabah, Portal AgriData.

*Cradle Open Day* ini juga memberi peluang kepada *startup* daripada pelbagai peringkat untuk bertemu dengan wakil daripada Cradle serta meningkatkan rangkaian dengan *startup* tempatan yang lain dalam usaha untuk meningkatkan kualiti keusahawanan mereka.

Acara *Cradle Open Day* ini diakhiri dengan majlis penutup yang dihadiri oleh Syahrin Samsir, Timbalan Setiausaha Tetap II KSTI, bersama-sama dengan majlis penyampaian hadiah bernilai RM2,500 setiap seorang kepada tiga pemenang startup – Rare is Real, Reviewbah, dan AgroDaya, sebagai pengiktirafan kepada inovasi mereka.

Cradle juga akan terus menggalakkan pembangunan *startup* yang mampan dengan penganjuran siri penglibatan bersama ekosistem, seperti *Cradle Open Day* ini, selaras dengan matlamat Malaysia untuk menjadi antara 20 ekosistem startup terbaik menjelang 2030.

Untuk maklumat lanjut tentang Cradle, sila layari [www.cradle.com.my](http://www.cradle.com.my)

## **TAMAT**

### **Mengenai Cradle**

**Cradle Fund Sdn. Bhd. (Cradle)** ialah sebuah agensi fokal untuk ekosistem *startup* Malaysia yang diperbadankan di bawah Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) pada tahun 2003 dengan seliaan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI). Cradle menyumbangkan kadar pengkomersilan tertinggi dalam kalangan geran kerajaan dengan lebih daripada 1,000 *startup* teknologi dibiayai. Cradle kini menawarkan dua geran baharu iaitu CIP Spark dan CIP Sprint, mensasarkan pembangunan idea dan komersialisasi *startup* teknologi. Cradle juga menjadi peneraju utama bagi Pelan Hala Tuju Ekosistem Startup Malaysia (SUPER) 2021-2030, inisiatif MYStartup dan Angel Tax Incentive (ATIO). Produk yang ditawarkan oleh Cradle tidak hanya terhad kepada bantuan kewangan sahaja, tetapi juga termasuk sokongan pengkomersilan, bimbingan dan pelbagai perkhidmatan nilai tambah untuk memenuhi keperluan pelbagai usahawan masa kini. Visi dan misi Cradle selaras dengan aspirasi MOSTI iaitu untuk menghasilkan 5,000 *startup* menjelang tahun 2025, 10,000 pembangun kod yang mahir dan Malaysia berada dalam 20 ekosistem startup teratas dunia menjelang 2030.

Untuk maklumat lanjut mengenai Cradle, sila layari [www.cradle.com.my](http://www.cradle.com.my).

### **Mengenai MYStartup**

**MYStartup** ialah inisiatif nasional yang dimulakan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan diterajui oleh Cradle. Ditubuhkan pada tahun 2021, MYStartup adalah tetingkap tunggal kepada ekosistem startup Malaysia, menawarkan platform yang membina pertumbuhan yang inklusif dan mampan untuk pengasas, pelabur dan bakat teknologi. Sejajar dengan matlamat negara untuk menjadi Pusat Keusahawanan ASEAN menjelang tahun 2030, MYStartup memupuk ekosistem ini melalui program pembinaan kapasiti, termasuk hackathon, accelerator/pre-accelerator dan boot camps. MYStartup merupakan sebahagian daripada Pelan Hala Tuju Ekosistem Startup Malaysia (SUPER) yang telah diberi mandat untuk memastikan bahawa inisiatif oleh MYStartup memberi manfaat kepada ekosistem startup secara keseluruhan. Usaha ini juga sejajar dengan sasaran MOSTI untuk menghasilkan 5,000 startup dan 10,000 pengekod menjelang tahun 2030.

Untuk maklumat lanjut mengenai MYStartup, sila layari [www.mystartup.gov.my](http://www.mystartup.gov.my)

**Dikeluarkan oleh:**

Komunikasi Strategik  
Cradle Fund Sdn Bhd  
Level 20, Sunway Putra Tower  
100 Jalan Putra  
50350 Kuala Lumpur

**Untuk pertanyaan, sila hubungi:**

Elmy Fairuz Azmi - elmy@cradle.com.my (+6012-271 3457)  
Shaheera Aznam Shah – nur.shaheera@cradle.com.my (+012-933 0825)

[KIT MEDIA](#)